

Meja diabadikan di bilik pengetua

SEKOLAH Menengah Kebangsaan Victoria atau Victoria Institution (VI) di Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur menjadi mercu yang cukup bersejarah dalam peristiwa Jepun menyerah diri di Tanah Melayu. Di situlah secara rasminya dokumen mengaku kalah dan penyerahan kuasa Jepun kepada British ditandatangani.

Berdasarkan laporan sebuah akhbar Inggeris terbitan 13 September 1945, upacara itu berlangsung pada pukul 2 petang bertempat di sebuah dewan yang kini dinamakan Dewan Warisan di sekolah tersebut.

Sejak awal pagi lagi, orang ramai membunjiri hadapan sekolah itu untuk menyambut kedatangan pegawai tentera berjawatan tinggi British yang diketuai oleh Letenan Jeneral O.L Roberts. Orang ramai dikatakan bersorak dan tidak menghiraukan cuaca yang agak panas.

Wakil tentera Jepun tiba dengan diketuai oleh Letenan Jeneral Teizo Ishiguro. Dua orang penterjemah turut mengiringi. Delegasi Jepun datang dengan tiga buah kereta dan mengibarkan bendera putih.

Kehadiran mereka disambut dengan sunyi sepi. Mereka kemudian menandatangani dokumen serah kalah bersaksikan pegawai tertinggi tentera British di atas sebuah meja.

Menurut kurator muzium VI, Krithivasan Raman, 17, semasa penjajahan Jepun, sekolah



KRITHIVASAN



MEJA yang digunakan semasa upacara penyerahan kuasa Jepun kepada British disimpan di bilik pengetua VI.

yang telah ditubuhkan sejak 1893 itu telah dijadikan markas Jepun. Ia mungkin kerana kedudukannya yang strategik serta sebagai sekolah paling berprestij di Kuala Lumpur yang ditubuhkan oleh British.

“Pada masa itu ia sudah mempunyai banyak kemudahan. Ada padang dan ada kolam renang. Mungkin ia memudahkan untuk tentera Jepun membuat latihan ketenteraan dan sebagainya,” kata Krithivasan yang merupakan murid tingkatan lima sekolah berkeajaan.

Krithivasan berkata, pihak sekolah masih memelihara pelbagai elemen warisan sekolah yang sarat dengan nilai sejarah itu. Beliau turut menunjukkan kepada *Jurnal* meja yang digunakan dalam upacara penyerahan kuasa tersebut.

Meja itu kini diletakkan di dalam bilik pengetua sekolah tersebut.